**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **63 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,796 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Sandakan. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 98 menjadikan jumlah kumulatif 57,597 orang. Seramai 574 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 237 orang di hospital dan 337 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 28 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




Daerah Putatan berubah dari zon jingga ke zon kuning manakala Kota Marudu bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning 12 daerah
- Zon Hijau lima (5) daerah

5 **Terdapat satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

**Klusters Keramat di Semporna** berlaku di Mukim Tampi-Tampi. Kes indeks merupakan pekebun, lelaki, 73, yang dilaporkan pengsan di kebun berhampiran rumahnya kemudian dibawa ke Hospital Semporna dan didapati positif RTK Antigen 100 peratus. Susulan kes itu, daripada 11 isi rumah yang disaring, tujuh (7) disahkan positif iaitu isteri, anak, menantu serta cucu. Tiga (3) daripada yang positif itu adalah guru sekolah rendah. Saringan kontak rapat seterusnya dilakukan di klinik kesihatan melibatkan guru-guru SK Hampalan dan SK Bubul serta saringan lapangan bagi guru-guru dan murid- murid pendidikan khas di SK Tampi-Tampi pada 07 Mei 2021. Hasil saringan, seorang (1) lagi guru SK Tampi-Tampi disahkan positif RTK Antigen 88 peratus, menjadikan jumlah terkumpul bagi kluster baharu ini sebanyak sembilan (9) kes. Aktiviti pengesanan kontak rapat serta mengenal pasti punca jangkitan sedang giat dijalankan.

6 Daripada 63 kes positif COVID-19, sebanyak 25 kes (39.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 18 kes (28.6%) saringan bergejala, 13 kes (20.6%) dari kluster baharu dan sedia ada serta tujuh (7) kes (11.1%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit

- Hospital 569 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 14.35%.

**B GALAKAN MASYARAKAT AGAR MENDERMA DARAH KEPADA TABUNG DARAH SABAH**

1 Sejak gelombang ketiga jangkitan COVID-19, aktiviti derma darah di Sabah telah menurun. Isu ini semakin meruncing pada bulan Ramadhan dan dijangka berlanjutan sehingga Pesta Kaamatan.

2 Walaupun hospital KKM di seluruh Sabah telah mengambil langkah berjaga-jaga, namun Pelaksanaan Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, PKPB dan PKPP) memberi impak kepada stok bekalan darah sedia ada.

3 Dianggarkan pada tahun ini, stok darah di Sabah akan merosot sebanyak 20 peratus berikutan pembatalan lebih daripada 200 kempen derma darah yang melibatkan sasaran awal 6,000 pendermaaan. Penyusutan tersebut perlu diatasi dengan **KADAR SEGERA** agar stok bekalan darah untuk pesakit tidak mencecah paras kritikal yang boleh menjejaskan perawatan pesakit.

4 Perkhidmatan perubatan tranfusi negeri Sabah kini menyasarkan kutipan 1,800 penderma seminggu bagi menampung keperluan dan berada di paras selamat.

5 Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri menyeru serta menggalakkan seluruh rakyat Sabah untuk menderma darah dengan menghubungi tabung tabung darah terdekat.

**C PENAMATAN PKPD DI KAMPUNG DAMBAI INANAM, KOTA KINABALU**

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Dambai Inanam, Kota Kinabalu yang dijadualkan tamat pada 9 Mei 2021.

2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 387 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 23 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

3 KKM melaporkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD Kg. Dambai Inanam, Kota Kinabalu pada 9 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## D PENAMATAN PKPD DI DUA (2) LOKALITI DI TAWAU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Bandar Sri Indah dan Kg. Titingan, yang dijadualkan tamat pada 9 Mei 2021.

2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 1,192 ujian saringan di Bandar Sri Indah dan daripada jumlah itu, sebanyak 52 kes positif COVID-19 telah direkodkan.

3 Manakala sebanyak 852 ujian saringan telah dilaksanakan di Kg. Titingan dan telah merekodkan sebanyak 58 kes positif.

4 KKM melaporkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan di kedua-dua lokaliti ini.

5 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD Bandar Sri Indah dan Kg. Titingan, Tawau pada 9 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

## E SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Bagi Seluruh Negeri Sabah adalah seperti di **LAMPIRAN A.**

## F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **212** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,165** orang.

2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **379** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,051** orang.

3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **2,348** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **25,552** orang.

4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.

5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,115** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **479,008** (mysejahtera 421,743 : laman web 57,018 : talian vaksinasi 247) bersamaan 16.3%.

## G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **320,332** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

1 Sejumlah 37 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,134 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 55 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 52 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak lapan (8) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Tujuh (7) orang : Tidak memakai pelitup muka
- Satu (1) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 46 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 19 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 213 lokasi melibatkan seramai 206 anggota APM.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 60 lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan enam (6) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan, Beluran, Lahad Datu, Semporna dan Kota Kinabalu.

7 Sejumlah 25 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.

## I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.2%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Kudat | 98% |
| 2 | Beluran | 98% |
| 3 | Tenom | 98% |
| 4 | Kota Marudu | 98% |
| 5 | Beaufort | 98% |
| 6 | Sipitang | 98% |
| 7 | Tuaran | 97.5% |
| 8 | Ranau | 97% |
| 9 | Lahad Datu | 97% |
| 10 | Kota Kinabalu | 97% |
| 11 | Kunak | 97% |
| 12 | Keningau | 97% |
| 13 | Semporna | 97% |
| 14 | Penampang | 97% |
| 15 | Kota Belud | 97% |
| 16 | Papar | 97% |
| 17 | Kinabatangan | 96.5% |
| 18 | Tawau | 96% |
| 19 | Sandakan | 96% |

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**08 MEI 2021**

**LAMPIRAN A**

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Yang Terlibat** | • Seluruh negeri Sabah kecuali daerah dan lokaliti yang dikuatkuasakan PKPD. SOP PKPD di lokaliti-lokaliti berkenaan adalah berkuatkuasa sehingga tarikh tamat PKPD berkenaan.<br>• Aktiviti rentas Daerah **TIDAK DIBENARKAN** mulai **10 hingga 16 Mei 2021 KECUALI** atas urusan kecemasan, perubatan, pekerjaan (awam/swasta) dan *essential services*. Dalam tempoh ini, pembahagian Zon mengikut Daerah adalah tidak digunapakai dan Daerah Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang dikategorikan sebagai satu (1) daerah.<br>• Bermula 17 Mei 2021, pembahagian Zon Daerah akan berkuatkuasa semula. |
| **Tempoh Berkuatkuasa** | 29 April 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 17 Mei 2021 (11.59 malam) |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan dengan bantuan ATM, ESSCOM, APMM, APM & RELA.<br>• Pihak PDRM akan melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) bagi mengawal pergerakan rentas daerah semasa tempoh yang dinyatakan. |



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti Dibenarkan
- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (Negative List).

Aktiviti Tidak Dibenarkan
- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (Negative List)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

Arahan Tetap
- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | **Pergerakan individu masuk ke Sabah:**<br>**Berdasarkan Ketetapan Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan , Jabatan Ketua Menteri Sabah** |

| Bil. | Kategori | Sub-Kategori | DIBENARKAN MASUK |
|---|---|---|---|
| 1 | Warganegara | (a) Berasal daripada negeri Sabah | Pemegang MyKad kod 'H' |
| | | (b) Isteri/ suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan | i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau<br>ii. Bukti perkahwinan;<br>iii. Sijil lahir anak/ tanggungan |
| | | (c) Bekerja di Negeri Sabah<br>1. Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap / kontrak / interim / badan berkanan<br>2. Pekerja sektor swasta<br>3. Tanggungan | i. HENDAKLAH memiliki dokumen sokongan (Letterhead, Nama, No. MyKad, Jawatan) yang terkini daripada majikan.<br>ii. Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) HENDAKLAH membuktikan talian perhubungan<br>PERHATIAN<br>Semua warganegara yang bukan berasal dari negeri Sabah **WAJIB** memiliki Cop Seksyen atau Pas Kerja Malaysia yang sah tempoh bagi tujuan bekerja di negeri ini.<br>Bagi individu yang **BELUM** memiliki Cop Seksyen atau Pas Kerja Malaysia, **HENDAKLAH** mengemukakan permohonan Cop Seksyen atau Pas Kerja Malaysia dengan **SEGERA** di Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah, **setelah masuk ke Sabah.**<br>Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan tetap: WAJIB memiliki cop Seksyen 66(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 yang sah tempoh<br>Tanggungan kepada Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan: WAJIB Memiliki cop Seksyen 66(2) atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Sabah) yang sah tempoh<br>Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan lantikan kontrak / interim / badan berkanan / sektor swasta: WAJIB memiliki Pas Kerja Malaysia sah tempoh |
| | | (d) Hadir ke mesyuarat dan urusan rasmi (Kerajaan & Swasta) | HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen jemputan mesyuarat / urusan rasmi:<br>- Surat (letterhead) jemputan daripada agensi Kerajaan Negeri Sabah / Persekutuan - (Nama, No. MyKad, Jawatan); atau<br>- Surat (letterhead) jemputan daripada syarikat di negeri Sabah - (Nama, No. MyKad, Jawatan) |
| | | (e) 1. Pelajar baharu IPTA / IPTS di negeri Sabah termasuk penjaga<br>2. Pelajar di semua sekolah dan institusi pengajian di negeri Sabah termasuk penjaga | i. Pelajar IPTA / IPTS lantikan baharu di Sabah. Dengan **menunjukkan salinan Surat Tawaran Belajar** daripada institusi masing-masing<br>ii. Memiliki kad pelajar / dokumen pengesahan pelajar daripada sekolah / institusi di negeri Sabah.<br>iii. Ibu / bapa kepada pelajar. Dengan menunjukkan **bukti talian perhubungan.**<br>iv. Penjaga / pengiring kepada pelajar adalah **tidak melebihi daripada dua (2) orang sahaja**. Dengan menunjukkan dokumen pengesahan / perakuan daripada ibu bapa / institusi pengajian pelajar tersebut. |
| | | (f) Pengangkutan darat (Transporter) melalui jalan darat daripada Sarawak & Labuan | HENDAKLAH mengemukakan surat / dokumen pengesahan bekerja daripada majikan kepada pegawai Imigresen di pintu-pintu masuk negeri Sabah. |
| | | (g) Kecemasan atau Review di hospital | i. HENDAKLAH membuktikan dokumen-dokumen sokongan daripada hospital<br>ii. Tanggungan (Suami / Isteri / Anak) membuktikan perhubungan atau Penjaga membuktikan dokumen sokongan daripada hospital |
| | | (h) Bernikah / berkahwin | **KELULUSAN KHAS KERAJAAN NEGERI SABAH DIPERLUKAN UNTUK MASUK KE NEGERI SABAH**<br>i. Pasangan lelaki / perempuan – membuktikan dokumen sokongan<br>ii. Ibu bapa – membuktikan talian perhubungan<br>iii. Keluarga terdekat – membuktikan perhubungan / dokumen sokongan daripada Masjid atau Pejabat JHEAINS |
| | | **TUJUAN LAWATAN SOSIAL YANG LAIN ADALAH TIDAK DIBENARKAN MASUK KE NEGERI SABAH** | |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

### Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

### Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | Pergerakan individu masuk ke Sabah: |

**Pergerakan individu masuk ke Sabah:**

| Bil. | Kategori | Sub-Kategori | DIBENARKAN MASUK | TIDAK DIBENARKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Warganegara | (g) **Sekatan sementara kemasukan dari negara:** **India; Perancis; Amerika Syarikat; Afrika; dan Brazil** *Kenyataan Media YAB Ketua Menteri Sabah – 27 April 2021* | i. Kru kapal warganegara Malaysia bagi tujuan "sign-off" – yang mempunyai sejarah perjalanan dari negara India dalam tempoh 14 hari. **WAJIB menjalani perintah kuarantin wajib 14 hari di stesen kuarantin yang diwartakan.** | |
| 2 | Bukan Warganegara | (a) **Sekatan sementara kemasukan dari negara:** **India; Perancis; Amerika Syarikat; Afrika; dan Brazil** *Kenyataan Media YAB Ketua Menteri Sabah – 27 April 2021* | i. Pasangan (suami / isteri) dan anak kepada rakyat Sabah. **WAJIB menjalani perintah kuarantin wajib 14 hari di stesen kuarantin yang diwartakan.** | i. **SEMUA INDIVIDU** dari negara **India, Perancis, Amerika Syarikat, Afrika dan Brazil.** ii. Kru kapal **bukan warganegara** bagi tujuan "sign-off" – yang mempunyai sejarah perjalanan dari negara India dalam tempoh 14 hari. |
| | | (b) **Isteri / suami kepada rakyat Sabah dan tanggungan** | i. Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah; atau ii. Bukti perkahwinan; iii. Sijil lahir anak/ tanggungan | |
| | | (c) **Pemastautin Tetap Sabah** | Memiliki MyPR kod "H" / Kad Permit Masuk / Endosmen Permit Masuk dalam Pasport | |
| | | (d) i. **Pemegang Pas Kerja dan tanggungan** ii. **Pelajar di institusi-institusi negeri Sabah** | Memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah | • TIDAK memiliki pas-pas Imigresen Malaysia yang sah tempoh dan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah. |
| | | (e) **Pas Sementara** i. **MyKAS Sabah** ii. **IMM13 Sabah** | i. Pas Sementara hendaklah sah tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dinyatakan di dalam Surat Kemudahan Berlepas oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Sabah hendaklah sah tempoh. | i. Pas Sementara tamat tempoh; dan ii. Tempoh perjalanan dalam Surat Kemudahan Berlepas tamat tempoh. |

**Nota:**

- Bagi kategori yang tidak dinyatakan **WAJIB** memohon kebenaran khas dengan merujuk kepada **Panduan Kebenaran Masuk ke Sabah daripada Semenanjung Malaysia, Sarawak dan W.P. Labuan** yang dikeluarkan oleh **Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan, Jabatan Ketua Menteri.**
- **Semua kemasukan ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada SOP sediaada:**
  - i. Mendapat kebenaran PDRM untuk merentas negeri: dan
  - ii. Keputusan NEGATIF Covid-19 test (PCR/RTK) dalam tempoh tiga (3) hari sebelum perjalanan.
- Maklumat lanjut berhubung syarat kemasukan boleh disemak dengan melayari sesawang *https://hednp.sabah.gov.my/* atau menghubungi dengan talian ***088-369 434 atau 088 - 369 433.***



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

### Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

### Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Semua **individu yang akan masuk ke Sabah** melalui pintu masuk udara, laut dan darat perlu menjalani ujian **RT-PCR atau RTK-Ag** COVID-19 dalam tempoh 3 hari sebelum perjalanan. Hanya individu yang tidak bergejala dengan keputusan ujian negatif akan dibenarkan masuk ke Sabah. |

**Pergerakan individu keluar dari Sabah:**

(a) Individu dari Sabah ke Semenanjung **TIDAK PERLU** menjalani ujian **RT-PCR** atau **RTK-Ag** COVID-19 sebelum berlepas dari Sabah (berdasarkan ketetapan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia);

(b) Individu dari Sabah ke Sarawak **TIDAK PERLU** menjalani ujian **RT-PCR** COVID-19 sebelum berlepas dari Sabah namun tertakluk kepada syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak; dan

(c) Individu dari Sabah ke Labuan perlu menjalani ujian **RT-PCR** atau **RTK-Ag** COVID-19 dalam tempoh tiga (3) hari sebelum memasuki Labuan (berdasarkan ketetapan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana W.P. Labuan).

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Laluan keluar masuk rentas negeri dan zon **ditutup dan dikawal** kemasukan oleh PDRM.<br><br>**Kapasiti penumpang dalam kenderaan persendirian:**<br>• **TIADA HAD** dalam kenderaan persendirian bagi orang yang keluar daripada rumah yang sama **TETAPI** hendaklah mengikut kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut.<br>• Individu yang berisiko tinggi dan kanak-kanak **TIDAK DIGALAKKAN** keluar ke kawasan awam, terbuka dan sesak. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Kolej matrikulasi **DIBENARKAN** dalam tempoh PKPB. Pelajar yang berada di sekolah berasrama / universiti / institusi **DIBENARKAN** untuk berada di sekolah berasrama / universiti / institusi tersebut dan meneruskan pembelajaran secara hibrid.<br>• Peperiksaan antarabangsa dan badan profesional serta aktiviti penyelidikan yang memerlukan kemudahan makmal di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) **DIBENARKAN** mengikut SOP IPT berkenaan dan pergerakan perlu disertai dengan pengesahan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau IPT berkaitan.<br>• Pergerakan pensyarah/guru/tenaga pengajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran **DIBENARKAN** dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.<br>• Pergerakan bagi kemasukan pelajar-pelajar ke asrama yang ditetapkan oleh KPM dan KPT adalah **DIBENARKAN** dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.<br>• Pelajar yang berkeperluan perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan daripada Sekolah/IPT berkenaan bagi merentas negeri atau zon untuk ke sekolah/kampus berkenaan.<br>• Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen **DIBENARKAN** merentas zon dan negeri masing-masing dengan tujuan urusan rasmi atau melawat kawasan. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan | • Pergerakan merentas zon adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi **kes kecemasan** seperti kematian atau bencana alam.<br>• Pergerakan merentas zon bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi adalah **DIBENARKAN** dengan syarat **menunjukkan pas kerja** atau **surat kebenaran daripada majikan.**<br>• Kenderaan perdagangan yang membawa barangan **DIBENARKAN** bergerak merentas zon dengan pemakaian pelitup muka. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan ini bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan tersebut.<br>• Perkhidmatan pengangkutan awam merentas zon iaitu bas ekspres dan keretapi **DIBENARKAN** beroperasi dengan **kapasiti 50% penumpang dan mengikut SOP KKR Sabah.** Bagi penumpang yang merentas zon perlu mendapatkan kebenaran pergerakan daripada pihak PDRM.<br>• Perkhidmatan kenderaan pelancongan yang berdaftar **DIBENARKAN** dalam zon yang sama dengan kapasiti 50% penumpang.<br>• Perkhidmatan pengangkutan awam dalam zon yang sama adalah **DIBENARKAN** dari jam 5.00 pagi hingga 12.00 malam dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka seperti berikut:<br>(a) Perkhidmatan bas henti-henti dan bas sekolah dalam zon dengan **kapasiti 50% penumpang**; dan<br>(b) Perkhidmatan teksi / *e-hailing* dalam zon **(maksimum hanya 2 penumpang)**; |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Pergerakan di Laut | • Pergerakan keluar bot-bot kecil dari pulau-pulau di negeri Sabah ke tanah besar termasuk pergerakan bot-bot di kawasan pesisiran pantai hanya **DIBENARKAN** dengan **50% kapasiti** mulai jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja.<br>• Bagi bot - bot nelayan di perairan ESSZONE yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan hanya **DIBENARKAN** dari jam 6.00 pagi hingga 6.00 petang (hanya di jeti-jeti yang dibenarkan sahaja). Kebenaran ini tertakluk kepada permit yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Daerah berkenaan.<br>• Pergerakan semua kapal *Non-Convention Ships* (NCS) Indonesia dan Filipina yang memasuki perairan ESSZONE, Sabah, Malaysia dan semua Kapal NCS Malaysia dari perairan ESSZONE ke Filipina dan Indonesia bagi aktiviti *barter trade* dan *transhipment* adalah **DIBENARKAN** dengan pematuhan SOP yang ditetapkan.<br>• Pergerakan kapal pengangkut ikan Indonesia ke Tawau adalah **DIBENARKAN.**<br>• Kapal NCS dari Filipina yang melalui perairan Sabah untuk ke W.P. Labuan **TIDAK DIBENARKAN.** |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan di Laut** | • Pergerakan perkhidmatan Kapal Komersil seperti berikut:<br>a. Feri Penumpang<br>b. Bot Penumpang<br>c. Feri Kenderaan (*Roro ferry*)<br><br>Adalah **DIBENARKAN** beroperasi dalam negara sahaja dengan **50% kapasiti** penumpang. Bagi Feri Kenderaan, muatan kenderaan adalah mengikut kapasiti sebenar feri berkenaan. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| **Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB berjalan seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.<br><br>• Pasar Raya, Pusat Beli belah, *Retail Store*, kedai serbaneka dan kedai runcit **DIBENARKAN** beroperasi mengikut SOP yang ditetapkan antara 6.00 pagi hingga 12.00 malam.<br><br>• Restoran, café, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja, medan selera, perkhidmatan penghantaran *(delivery)* makanan, pembelian makanan secara bawa pulang *(take away)* dan pandu lalu *(drive thru)* yang menyediakan juadah sahur **DIBENARKAN** beroperasi **sehingga 6.00 pagi** dengan pematuhan SOP Sektor Makanan (Perniagaan Berpremis, Penjaja Tanpa Premis, Pasar Berbangunan dan Peruncitan/Serbaneka Makanan & Minuman). **Walaubagaimanapun, kebenaran ini hanya terpakai sepanjang bulan Ramadan sahaja**.<br><br>• *Dine in* **DIBENARKAN** di restoran termasuk restoran dalam premis hotel, kedai / gerai makan, *coffee shop* dan medan selera dengan penjarakan fizikal 1 meter antara pelanggan dan terhad kepada 50% kapasiti saiz meja. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Operasi pasar-pasar adalah **DIBENARKAN** seperti berikut:<br>a. Pasar Harian : 6.00 pagi hingga 6.00 petang<br>b. Pasar Tamu : 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>c. Pasar Tani : 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>d. Pasar Borong: 12.01 pagi hingga 2.00 petang<br>**Nota:** Pembukaan pasar tamu dan pasar tani adalah tertakluk kepada penilaian risiko oleh PBT.<br>• Operasi pasar-pasar tersebut hendaklah dengan pematuhan SOP dan pengawasan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.<br>• Operasi Pasar Malam, Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Operasi kedai nombor ramalan yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah **DIBENARKAN** berdasarkan waktu operasi seperti berikut:<br>a. Hari Cabutan : 8.00 pagi hingga 7.00 malam<br>b. Hari Tanpa Cabutan : 8.00 pagi hingga 6.00 petang<br>• Operasi mesin slot yang dilesenkan di bawah Kementerian Kewangan adalah **DIBENARKAN** bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam.<br>• Operasi lain-lain perniagaan yang **DIBENARKAN** beroperasi bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam. |



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKPB** | • Stesen minyak termasuk kedai serbaneka di stesen minyak **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam.<br>• Kedai dobi **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam. Kedai dobi layan diri perlu memastikan pekerja berada di premis bagi mengawal bilangan pelanggan dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Kedai gunting rambut / salun, facial, perkhidmatan spa, refleksologi, urut dan *wellness* **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam. Pengusaha / pemilik perlu mengikuti SOP seperti berikut:<br>i. Wajib memakai pelitup muka (*face mask*) dan pelindung muka (*face shield*);<br>ii. Memakai apron (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu);<br>iii. Memakai sarung tangan (perlu ditukar untuk setiap pelanggan baharu); dan<br>iv. Gunting dan sikat dibersihkan menggunakan air panas (bagi kedai gunting rambut dan salun).<br>• Pusat cuci kenderaan **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 malam dengan memastikan pematuhan SOP sedia ada. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Perkhidmatan Perubatan/ Kesihatan** | • Waktu operasi klinik dan hospital Kerajaan dan swasta **DIBENARKAN** beroperasi secara 24 jam atau mengikut waktu yang ditetapkan oleh Kerajaan.<br>• Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 6.00 pagi hingga 12.00 malam. |
| **Tatacara Utama Premis** | • Penggunaan aplikasi MySejahtera **DIWAJIBKAN** di kawasan capaian internet yang luas. Pengecualian diberikan bagi kawasan yang tidak mempunyai capaian internet khususnya di kawasan kampung dan pedalaman. Pemegang lesen dan pemilik premis **DIWAJIBKAN** menyediakan kemudahan *QR code* MySejahtera dan menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan. Suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius serta tidak memakai pelitup muka adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis.<br>• Pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter.<br>• Pemilik premis perlu menyediakan *hand sanitizer* atau tempat mencuci tangan.<br>• Pemilik premis menghadkan bilangan pelanggan berada di premis dalam sesuatu masa dan memaparkan jumlah maksimum pelanggan yang berada dalam premis. |
| **Aktiviti Pekerjaan** | • Pergerakan keluar / masuk merentas zon bagi urusan tugas rasmi kerajaan (*official duty*) adalah **DIBENARKAN.**<br>• Pergerakan kenderaan jabatan Kerajaan atau syarikat swasta adalah **DIBENARKAN** bergantung kepada kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut dengan pematuhan SOP. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**<u>AKTIVITI DAN PROTOKOL</u>**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Semua aktiviti sukan dan rekreasi individu dan berpasukan bagi tujuan kesihatan, kecergasan, latihan, permainan/ perlawanan **TERTAKLUK** kepada SOP Sektor Sukan dan Rekreasi termasuklah arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa dan kebenaran Pihak Berkuasa yang berkaitan.<br>• Kehadiran penonton / penyokong ke *venue* sukan dan rekreasi tertakluk kepada **10% kapasiti tempat duduk atau 2,000 orang atau mana-mana yang lebih rendah.** Walau bagaimanapun pihak penganjur boleh menetapkan had kapasiti kehadiran penonton (tidak melebihi kapasiti yang ditetapkan) dengan mengambil kira kemampuan kawalan penyeliaan penganjur.<br>• Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat negeri/ komuniti **DENGAN KEBENARAN** Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia melalui aplikasi on-line eRosa.<br>• Penganjuran kejohanan/ pertandingan di peringkat kebangsaan yang melibatkan pergerakan rentas negeri **DENGAN KEBENARAN** PDRM seperti Malaysian Football League (MFL), Malaysia Hockey League (MHL) dan Sepak Takraw League (STL) mestilah mengikut Model Gelembung Sukan.<br>• Penganjuran kejohanan/ pertandingan kebangsaan dan antarabangsa **WAJIB** mendapat kebenaran KBS |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Latihan Pusat Berfasa bagi pasukan-pasukan MFL/MHL/STL secara "*Home/ Camp Quarantine*".<br>• Peserta/ pegawai bagi aktiviti Sukan Berpasukan dan Sukan Tempur dari kawasan PKP dan PKPB perlu menjalani ujian RTK-Antigen dan disahkan negatif sebelum dibenarkan menyertai kejohanan/ pertandingan tempatan.<br>• Program Latihan Berpusat oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Negeri secara "*Camp Quarantine*".<br>• Kebenaran beroperasi dan menggunakan fasiliti sukan oleh orang awam adalah **TERHAD** kepada 50% kapasiti mengikut saiz fasiliti. Setiap pengusaha dan operator sukan perlu menjadualkan pelaksanaan aktiviti sekiranya terdapat ramai peserta dengan mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi.<br>• Aktiviti kolam renang adalah **DIBENARKAN** dengan 50% kapasiti dalam satu-satu masa mengikut saiz fasiliti. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sukan dan Rekreasi** | • Aktiviti rekreasi laut dan sungai seperti *scuba diving, snorkelling* dan memancing adalah **DIBENARKAN** dengan 50% kapasiti dan mematuhi SOP yang ditetapkan.<br>• Muatan penumpang bagi *speedboat* tertutup dan *speedboat* terbuka yang membawa individu untuk aktiviti rekreasi laut dan sungai adalah dibenarkan MENGIKUT KAPASITI tertakluk kepada penjarakan fizikal satu (1) meter di antara penumpang.<br>• Taman Awam **DIBENARKAN** untuk dibuka.<br>• Aktiviti berkelah **DIBENARKAN** tidak melebihi 10 orang dan tertakluk kepada kebenaran pemilik premis dan Pihak Berkuasa Tempatan. |
| **Aktiviti Hiburan** | • Aktiviti di panggung wayang adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada kepada **50% kapasiti** panggung dan mengikut SOP Sektor Industri Kreatif – Pawagam KKMM.<br>• Aktiviti di pusat karaoke keluarga dan pusat permainan arked **DIBENARKAN** dengan **50% kapasiti** serta tertakluk kepada SOP Sektor Pelancongan – Pusat Hiburan Keluarga. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

**Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan** | Hotel dan penginapan **DIBENARKAN** beroperasi termasuk operasi yang berikut:<br>i. Restoran di dalam hotel dan penginapan dengan dengan penjarakan fizikal 1 meter antara pelanggan mengikut kapasiti saiz meja.;<br>ii. Bilik mesyuarat dan bilik seminar tertakluk kepada **50% kapasiti** daripada had ruang bilik; dan<br>iii. Kolam renang dengan **50% kapasiti** dalam satu-satu masa mengikut saiz fasiliti.<br><br>Aktiviti-aktiviti berikut dibenarkan beroperasi pada **50% kapasiti** premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan adalah tertakluk kepada SOP Sektor Pelancongan dan Kebudayaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar serta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah:<br>i. Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, *farms*, akuarium, pusat *edutainment*, taman rekreasi, *extreme / adventure / nature parks* dan lain-lain;<br>ii. Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat / kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain;<br>iii. Taman Tema dan Pusat Hiburan Keluarga; dan<br>iv. Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*). |



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

**Waktu Berkuat kuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat**

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Pelancongan dan Kebudayaan** | • **Pergerakan Pelancongan antara Zon DIBENARKAN mengikut syarat berikut:**<br>i. Perlu menggunakan perkhidmatan syarikat agensi pelancongan berdaftar dengan MOTAC;<br>ii. Pergerakan hanya menggunakan kenderaan-kenderaan pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC;<br>iii. Pergerakan secara persendirian **TIDAK DIBENARKAN;**<br>iv. Syarikat agensi pelancongan perlu mendapat **kebenaran pihak PDRM** untuk pergerakan rentas Zon;<br>v. Perjalanan mestilah terus ke Zon berkenaan dan tidak dibenarkan berhenti di lain-lain kawasan atau Zon berbeza;<br>vi. Tempat penginapan dan aktiviti-aktiviti pelancongan perlu ditetapkan lebih awal; dan<br>vii. Tertakluk kepada pelancongan dalam **negeri sahaja**. Kemasukan pelancong luar Sabah **BELUM DIBENARKAN.** Kemudahan penginapan dibenarkan dan aktiviti-aktiviti pelancongan adalah pada 50% kapasiti serta tertakluk kepada SOP Sektor Pelancongan dan Kebudayaan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar serta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, Sabah |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

**Waktu Berkuat kuasa**: 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan**: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk**: Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Sektor Pertanian, Perikanan, Penternakan dan Perladangan Komoditi** | • Sektor Pertanian, Penternakan, dan Perladangan Komoditi **DIBENARKAN** beroperasi.<br>• Sektor perikanan **DIBENARKAN** beroperasi namun tertakluk kepada arahan Kawalan Pergerakan di Laut dan mana-mana arahan lain yang sedang berkuatkuasa. |
| **Aktiviti Keagamaan** | • Aktiviti di masjid dan surau **DIBENARKAN** tertakluk kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam **DIBENARKAN** dengan had kehadiran tertakluk kepada **50% kapasiti** ruang rumah ibadat dengan mengambil kira penjarakan fizikal.<br>• Upacara pernikahan (akad nikah) Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran **50%** berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal di pejabat Agama **ATAU TERTAKLUK** kepada jumlah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Upacara perkahwinan bukan Islam **DIBENARKAN** dengan kehadiran **50%** berdasarkan keluasan ruang dan penjarakan fizikal **ATAU TERTAKLUK** kepada jumlah yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara / Rumah Ibadat / Persatuan Agama Bukan Islam. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

**Waktu Berkuat kuasa**: 24 Jam | **Waktu Aktiviti Dibenarkan**: Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | **Pergerakan Penduduk**: Dibenarkan dengan bersyarat

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Seminar / Bengkel / Persidangan / Pameran** | • Semua Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah / Pameran dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) – TERHAD kepada penganjur dan peserta tempatan sahaja **DIBENARKAN** beroperasi tertakluk kepada **50% kapasiti** ruang bilik dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP Am Pelaksanaan Majlis Rasmi Kerajaan dan Swasta.<br>• Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan **BOLEH DILAKSANAKAN** hanya dalam kawasan institusi latihan sahaja. |
| **Mesyuarat** | • Mesyuarat secara bersemuka bagi urusan rasmi/kerja yang diadakan di pejabat, hotel, pusat konvensyen dan lain-lain institusi adalah **DIBENARKAN** dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka serta tertakluk kepada **50% kapasiti** daripada had ruang bilik. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Penganjuran Majlis Keramaian** | ❖ **MAJLIS RASMI DAN TIDAK RASMI KERAJAAN SERTA SWASTA**<br>• Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan serta Swasta adalah tertakluk kepada kehadiran seramai 50 orang atau 30% kapasiti ruang mengikut jumlah mana-mana yang terendah. dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan mengikut **SOP Penganjuran Majlis Kerajaan dan Swasta.**<br><br>❖ **MAJLIS PERKAHWINAN / PERTUNANGAN & RESEPSI**<br>• Kehadiran terhad kepada 50 orang atau 30% kapasiti ruang mengikut jumlah mana-mana yang terendah.<br>• Dijalankan dalam tempoh **2 jam sahaja.**<br>• Aktiviti hiburan seperti karaoke dan tarian yang melibatkan penglibatan tetamu jemputan **TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Mematuhi **SOP Penganjuran Majlis Sosial.** |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Penganjuran Majlis Keramaian** | ❖ **MAJLIS AKIKAH, DOA SELAMAT, TAHLIL, SAMBUTAN ULANG TAHUN, SAMBUTAN HARI KELAHIRAN, *REUNION*, *RETREAT* DAN LAIN-LAIN MAJLIS SOSIAL**<br>• Kehadiran terhad kepada **30 orang** atau 30% kapasiti ruang mengikut jumlah mana-mana yang terendah.<br>• Dijalankan dalam tempoh **2 jam sahaja.**<br>• Aktiviti beramai-ramai melibatkan tetamu jemputan tanpa penjarakan fizikal **TIDAK DIBENARKAN** – contoh meniup lilin hari kelahiran, tarian dan sebagainya.<br>• Mematuhi **SOP Penganjuran Majlis Sosial.**<br>• Penganjuran Majlis Berbuka Puasa di masjid, dewan, rumah persendirian, hotel dan premis-premis perniagaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran khas Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (COVID-19) Sabah. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

### Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

### Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

**Tindakan:** SOP HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SABAH 2021

**Penerangan Ringkas:**

| No. | AKTIVITI | PKPB |
|---|---|---|
| 1 | TAKBIR RAYA DI MASJID/SURAU | • **DIBENARKAN** mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah. |
| 2 | AMALAN TAKBIR DARI RUMAH KE RUMAH | • **TIDAK DIBENARKAN**. |
| 3 | SOLAT SUNAT HARI RAYA DI MASJID/SURAU | • **DIBENARKAN** mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah.<br>• Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan golongan berisiko tinggi **TIDAK DIGALAKKAN**. |
| 4 | JAMUAN SELEPAS SOLAT HARI RAYA DI MAJID/SURAU | • **DIBENARKAN** dengan syarat penyediaan makanan secara berbungkus dan diedarkan kepada para Jemaah untuk dibawa pulang. |
| 5 | ZIARAH HARI RAYA | • **DIBENARKAN** dengan syarat:<br>i. Hanya di kalangan ahli keluarga yang terdekat **TIDAK MELEBIHI 20 ORANG**;<br>ii. Tinggal dalam lingkungan daerah yang sama sahaja; dan<br>iii. Tertakluk kepada saiz kapasiti rumah. |
| 6 | ZIARAH TANAH KUBUR | • **DIBENARKAN TIDAK MELEBIHI ENAM (6) ORANG** bagi satu lot kuburan dengan had masa **TIDAK MELEBIHI 30 MINIT** serta penjarakan fizikal. |
| 7 | PENGANJURAN SEBARANG MAJLIS HARI RAYA DAN RUMAH TERBUKA | • **TIDAK DIBENARKAN**. |
| 8 | LOKALITI PKPD | • **SEMUA AKTIVITI PERAYAAN DI LOKALITI PKPD ADALAH TIDAK DIBENARKAN**. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

### Aktiviti Dibenarkan

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

### Aktiviti Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

### Arahan Tetap

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Institusi Pendidikan** | • Sekolah, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran, pusat tahfiz, institut pendidikan swasta kategori tadika dan sekolah serta institusi pendidikan lain adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada arahan untuk beroperasi oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia.<br>• Semua institusi pendidikan dan institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM beroperasi berdasarkan keputusan serta pengumuman KPM dari semasa ke semasa. |
| **Pusat Jagaan Kanak-kanak, TASKA, Tadika, Tabika dan Kelas-kelas** | • Pusat jagaan kanak-kanak, Taska, Tadika, Tabika **DIBENARKAN** beroperasi dengan kebenaran beroperasi oleh Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah dan agensi berkaitan dengan pematuhan SOP yang ditetapkan.<br>• Kelas tuisyen, kelas muzik, kelas tarian, kelas seni, kelas mengaji berbayar, kelas bahasa berbayar dan sebagainya **DIBENARKAN** beroperasi tertakluk kepada **50% kapasiti** ruang premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka.<br>• Pusat jagaan harian bagi Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, wanita dan Pusat Jagaan Pelbagai DIBENARKAN beroperasi. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Industri Kreatif** | • Aktiviti rakaman bagi muzik, konsert, penggambaran filem, bual bicara dan seumpamanya **DIBENARKAN** sama ada rakaman dalaman (studio) atau luar premis dengan jumlah kru yang minima dan **TANPA PENONTON** serta mematuhi SOP Industri Kreatif.<br>• Aktiviti acara langsung **DIBENARKAN** tanpa penonton dengan jumlah kru dan petugas yang ditetapkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multi Media (KKMM), Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).<br>• Aktiviti busking, persembahan muzik dan nyanyian di dalam lokasi tertutup dalam bangunan (seperti restoran, café, shopping mall, *lounge* hotel) adalah **DIBENARKAN** dengan kawalan masa persembahan dan jumlah penonton yang ditetapkan oleh KKMM dan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. |
| **Lain-Lain Aktiviti Yang Dibenarkan** | • Lain-lain aktiviti yang tidak termasuk dalam Senarai Aktiviti yang **Tidak Dibenarkan** (***Negative List***) adalah dibenarkan berdasarkan SOP sedia ada yang telah ditetapkan. |
| **Permohonan Pengecualian** | • Sebarang permohonan pengecualian hendaklah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) dan dirujuk kepada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara: Pengurusan COVID-19. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) BAGI SELURUH NEGERI SABAH

Dikemaskini pada 7 Mei 2021

**Aktiviti Dibenarkan**

- Semua sektor dan aktiviti KECUALI perkara-perkara dalam Senarai Aktiviti Tidak Dibenarkan (*Negative List*).

**Aktiviti Tidak Dibenarkan**

- Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)
- Pergerakan keluar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKP/PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan

**Arahan Tetap**

- Peraturan 17 P.U. (A) 98/2021
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh KP Kesihatan

| Waktu Berkuat kuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang TIDAK DIBENARKAN (*Negative List*)** | |
| **Aktiviti Hiburan** | • Aktiviti di dalam pub dan kelab malam.<br>• Aktiviti konsert atau acara langsung dengan kehadiran penonton. |
| **Aktiviti Sukan, Rekreasi dan Riadah** | • Penganjuran kejohanan/pertandingan tanpa kebenaran KBS.<br>• Penyertaan pemain / peserta / pegawai / teknikal Malaysia ke kejohanan / pertandingan di luar negara **TANPA** sokongan KBS dan kebenaran Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).<br>• Kemasukan pemain / peserta / pegawai / teknikal asing ke Malaysia bagi tujuan penganjuran kejohanan / pertandingan sukan dan rekreasi **TANPA** sokongan KBS dan kebenaran JIM.<br>• Aktiviti massa yang melibatkan pergerakan dan perkumpulan ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal dalam satu-satu masa seperti *fun run, fun ride, marathon, triathlon* dan lain-lain. |
| **Lain-lain Yang Tidak Dibenarkan** | • Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br>• Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |